

15 APR 1998

Anwar-Pulih

MALAYSIA SEDANG PULIH, KATA ANWAR KPD PENGURUS DANA

Oleh: Salmy Hashim

NEW YORK, 15 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim telah memberi keyakinan kepada pengurus-pengurus dana Amerika di sini bahawa tahap terburuk dalam masalah ekonomi Malaysia telah berlalu dan negara sedang pulih daripadanya.

Pengerusi Morgan Stanley Asset Management, Barton M. Biggs, yang menemui Anwar di hotelnya di sini pada hari Selasa berkata Anwar "amat meyakinkan" dan apa yang dikatakannya "sangat menarik".

"Kami akan pulang dan fikirkan mengenainya, akan teliti angka yang ditunjukkan kepada kami, dan kaji semula penilaian kami. Dalam hal ini perjumpaan itu amat berguna," kata Biggs kepada pemberita selepas perjumpaan selama 30 minit itu.

Biggs berkata masalah Malaysia belum lagi berakhir kerana pertumbuhannya yang perlahan dan masalah yang dihadapi negara-negara jiran.

Pada Selasa Anwar, yang juga Menteri Kewangan mengadakan siri perjumpaan satu-sama-satu dengan ketua-ketua firma kewangan utama di New York, dan mengadakan sesi berasingan dengan kumpulan pengurus dana di sebuah hotel, serta memberitahu mereka mengenai langkah-langkah Malaysia untuk memulihkan ekonomi.

Pengurus dana yang menghadiri sesi tersebut pada amnya bersetuju bahawa sesi yang turut memberi peluang bagi mereka membangkitkan kebimbangan mereka itu, adalah berguna kepada mereka.

Ramai daripada mereka percaya penilaian Anwar mengenai ekonomi Malaysia adalah realistik dan praktikal walaupun sesetengah daripada mereka masih belum pasti dan berasakan Malaysia masih memerlukan masa, sekurang-kurangnya dua tahun, untuk pulih.

Richard S. Price dari College Retirement Equities Fund berkata Malaysia sedang mencapai kemajuan yang baik dan bergerak di atas "landasan yang betul" tetapi beliau berpendapat hanya masa yang boleh membantu pemulihan keyakinan pelabur.

"Malaysia mempunyai seorang pemimpin yang dinamik...di bawah (Perdana Menteri Datuk Seri) Dr. Mahathir Mohamad, negara itu telah menyaksikan pertumbuhan purata 8.0 peratus selama 10-12 tahun, yang terpanas di seluruh dunia."

"...tetapi kita manusia. Ada masanya kita buat silap, kita alami masalah, kita bangkit semula, dan kita keluar daripada masalah itu," kata Price selepas menghadiri sesi berkumpulan dengan Anwar.

Price berkata pelaburan dananya di pasaran saham Malaysia mencatat puncak sebanyak AS\$200 juta sebelum kelembapannya, tetapi sekarang ia jatuh kepada AS\$5 juta selepas kejatuhan.

Beliau berkata firma beliau keluar kerana masalah yang dialami oleh Malaysia, termasuk penurunan 25 peratus dalam harga rumah, air, jerebu, kekangan pinjaman, dan kini masalah mencari modal kerja untuk membiayai pelaburan, bahan mentah dan eksport.

Anwar telah menemui pengerusi Tiger Management Corporation, Julian Robertson; pengerusi Aetna Insurance, Michael Stephen; pengerusi bersama Chase Manhattan, Tom Lebrecht; pengerusi Bankers Trust, Frank Newman; dan pengerusi Bankers Trust Asia, Tomothy Rattray.

Menteri Kewangan itu, dalam sesi berkumpulan, menemui pengurus dana dari Capital Research International, Dupont Pension Fund Investment, Federated Investors, Merrill Lynch Asset Management, Putnam Investment Management, Scudder Kemper Investments dan TIAA-CREF Investment Management.

Sesi itu dianjurkan oleh Phileo Allied Securities. -- BERNAMA  
SH JR OS NMO